

ULANGAN

MAHATHIR-PERUTUSAN R'R'W'
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2100 MALAM INI)

1983

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA SENTIASA MENGUTAMAKAN UNSUR-UNSUR PERSAMAAN DARIPADA YANG BERBEZA DALAM USAHA MEMBINA DAN MEMDANGUNKAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEMAJUAN TIDAK MUNGKIN DICAPAI MELAINKAN JIKA RAKYAT MENGURANGKAN TUMPUAN KEPADA SOAL-SOAL PERBEZAAN DAN KEPENTINGAN YANG BERLAINAN DAN SEBALIKNYA MENGUTAMAKAN UNSUR-UNSUR PERSAMAAN SERTA KERJASAMA.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG DISAMPAIKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA RAKYAT SUPAYA MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DALAM USAHA MEMELIHARA KEMERDEKAAN DAN KEHORMATAN NEGARA YANG DICAPAI SEJAK 26 TAHUN LALU.

"KITA MESTILAH BERTHATI-HATI BAGI MENJAMIN BAHAWA SEGALA USAHA YANG TELAH DIBUAT SELAMA 26 TAHUN UNTUK MEMBINA NEGARA KITA TIDAK TERJEJAS.

"TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KEMERDEKAAN DAN KEHORMATAN NEGARA BUKANLAH TANGGUNGJAWAB PIHAK-PIHAK TERTENTU SEPERTI PARA PEMIMPIN, ATAU PEGAWAI KERAJAAN, ATAUPUN PIHAK TENTERA DAN POLIS SEMATA-MATA," TEGAS BELIAU.

LAGI 1828/LK

MAHATHIR-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA PERANAN UTAMA YANG HARUS DIMAINKAN OLEH RAKYAT DALAM MEMELIHARA NEGARA IALAH DENGAN SENTIASA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KEPENTINGAN UMUM DAN KEPENTINGAN JANGKA PANJANG LEBIH DARIPADA KEPENTINGAN DIRI DAN KEPENTINGAN JANGKA PENDEK.

DALAM HUBUNGAN INI, SETIAP TINDAKAN WALAU DALAM APA KEADAAN SEKALIPUN, HENDAKLAH SENTIASA MENGAMBIL KIRA KEADAAN DI NEGARA DAN SEJAUH MANA SESUATU TINDAKAN ITU AKAN MENDATANGKAN KEBURUKAN ATAU KEBAIKAN KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA AKHIRNYA.

"KITA HARUS INGAT BAHAWA TINDAKAN SETIAP ORANG WALAUPUN KECIL KESANNYA TETAPI AMAT BERKESAN APABILA DIJUMLAH KESEMUAANYA," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN RAKYAT JUGA TIDAK HARUS MELUPAKAN HAKIKAT BAHAWA KESTABILAN ADALAH SESUATU YANG BERTHARGA.

OLEH YANG DEMIKIAN, RAKYAT HARUS BERTHATI-HATI SUPAYA PERASAAN DAN EMOSI TIDAK TERLALU MENGUSAI TINDAK TANDUK DAN FIKIRAN MEREKA PADA BILA-BILA MASA PUN.

-- LAGI 1736/LK

ZCZC B619:

MAHATHIR-PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEBALIKNYA, PENERIMAAN HAKIKAT DAN DASAR OLEH SEMUA PIHAK AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT BEKERJASAMA ANTARA SATU DENGAN LAIN DAN KERJASAMA INI TETAP AKAN MEMBAWA LEBIH BANYAK HASIL.

MENGENAI DASAR EKONOMI BAHARU, PERDANA MENTERI MEMINTA RAKYAT SUPAYA SENTIASA MENGAMALKANNYA DENGAN JUJUR.

LEBIH CEPAT MATLAMAT DASAR ITU DICAPAI, MAKA LEBIH PENDEKLAH MASA YANG DIPERLUKAN UNTUK MENJAYAKANNYA.

KATANYA, DASAR EKONOMI BAHARU BUKAN SEMATA-MATA MERUPAKAN ANGKA-ANGKA MATLAMAT YANG HENDAK DICAPAI, TETAPI LEBIH PENTING DARI ITU IALAH PERSEIMBANGAN KECEKAPAN DAN KEMAMPUAN.

"JIKA INI SUDAH DICAPAI, MAKA SEGALA PERTANDINGAN ANTARA KAUM, APABILA BERLAKU, TIDAKLAH AKAN MENJADI PERTANDINGAN YANG TIDAK ADIL, DI MANA SATU PIHAK JAUH LEBIH KUAT DAN BERKEUPAYAAN DARI PIHAK YANG DITANDINGINYA.

"KEUPAYAAN BERTANDING DENGAN ASAS-ASAS YANG SAMA DARI SEMUA ASPEK AKAN MEMBAWA KEYAKINAN KEPADA SEMUA PIHAK DAN MENGURANGKAN PERASAAN SYAK WASANGKA ANTARA KAUM," KATANYA.

-- LAGI 1740/LK

ZCZC B620:

MAHATHIR-PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI LALU MEMBERI JAMINAN BAHAWA NEGARA MEMPUNYAI PELUANG KEEMASAN UNTUK DIBIMBING KE ARAH SATU TAHAP KEMAJUAN YANG SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA, DARIPADA USAHA-USAHA UNTUK MEMPERSEIMBANGKAN PEMBANGUNAN DENGAN KEMAJUAN KEBENDAAN DAN KEROHANIAN, RAKYAT MEMPUNYAI ASAS UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN LEBIH DARI APA YANG

MEREKA DUGA.

"NAMUN DEMIKIAN, SEMUANYA INI ADALAH AMAT BERGANTUNG KEPADA SEJAUH MANA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERGANDING BAHU DAN BERUSAHA," TEGASNYA.

MENGENAI ANCAMAN DADAH, PERDANA MENTERI MENGAJAK RAKYAT SUPAYA BERUSAHA MEMERANGINYA SAMA SEPERTI MEREKA MEMERANGI SYAITAN.

INI IALAH KERANA DADAH ADALAH AMAT BERBAHAYA DAN BOLEH MELEMAHKAN KESELURUHAN KETAHANAN NEGARA DAN RAKYAT SEHINGGA MEREKA DENGAN MUDAH BOLEH DITEASKAN OLEH ORANG LAIN.

"SEBENARNYA DADAH BOLEH DAN MUNGKIN DIJADIKAN ALAT OLEH MUSUH KITA UNTUK MENGHANCURKAN KITA," TAMBAH BELIAU.

-- BERNAMA 1743/LK